



# **SIARAN MEDIA**

## *MEDIA RELEASE*

**KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK) SUKU TAHUNAN**  
**SUKU KETIGA 2019**

*QUARTERLY GROSS DOMESTIC PRODUCT*  
*THIRD QUARTER 2019*

*Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik*  
*Kementerian Kewangan dan Ekonomi*  
*Negara Brunei Darussalam*

*Department of Economic Planning and Statistics*  
*Ministry of Finance and Economy*  
*Brunei Darussalam*




**SIARAN MEDIA**  
**JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK**  
**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**KELUARAN DALAM NEGERI KASAR SUKU TAHUNAN**  
**SUKU KETIGA 2019**


**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**TAJUK UTAMA:**  
**EKONOMI NEGARA BERKEMBANG SEBANYAK 2.0 PERATUS PADA**  
**SUKU KETIGA 2019.**

1. Pada suku ketiga 2019, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Negara Brunei Darussalam pada harga semasa adalah berjumlah BND4.3 bilion berbanding BND4.5 bilion pada Q3 2018. Sektor Minyak & Gas yang bernilai BND2.3 bilion telah menyumbang 54.0 peratus kepada jumlah nilai tambah kasar.
2. Pada harga tetap, KDNK pada Q3 2019 meningkat sebanyak 2.0 peratus tahun-ke-tahun. Ini adalah disebabkan oleh peningkatan terutamanya dalam Sektor Bukan Minyak & Gas sebanyak 3.3 peratus. Manakala, Sektor Minyak & Gas meningkat sebanyak 1.0 peratus.



3. Peningkatan dalam Sektor Bukan Minyak & Gas adalah terutamanya disebabkan oleh peningkatan dalam Subsektor Kewangan sebanyak 19.0 peratus berikutan peningkatan pada aktiviti perkhidmatan perbankan.
4. Peningkatan dalam Sektor Minyak & Gas adalah terutamanya disebabkan oleh peningkatan pengeluaran minyak mentah daripada 105.5 ribu tong sehari pada Q3 2018 kepada 113.3 ribu tong sehari pada Q3 2019.
5. Mengikut jenis kegiatan ekonomi, pertumbuhan positif tahun-ke-tahun pada suku ketiga 2019 adalah disebabkan oleh peningkatan dalam Sektor Perkhidmatan sebanyak 4.8 peratus. Antara lain, ini adalah disebabkan oleh peningkatan dalam Subsektor Kewangan, Subsektor Perdagangan Borong dan Runcit dan Subsektor Kesihatan.
6. Manakala, Sektor Industri meningkat sebanyak 0.4 peratus. Peningkatan ini disebabkan oleh peningkatan pengeluaran minyak mentah serta peningkatan dalam Subsektor Elektrik dan Air.
7. Walaubagaimanapun, Sektor Pertanian, Perhutanan & Perikanan mencatatkan penurunan sebanyak 4.9 peratus berikutan penurunan dalam Subsektor Perikanan dan Subsektor Ternakan. Penurunan dalam pengeluaran industri tangkapan secara kecil-kecilan menjadi penyebab utama penurunan Subsektor Perikanan. Manakala, penurunan Subsektor Ternakan adalah disebabkan oleh penurunan dalam pengeluaran daging kerbau, ayam pedaging dan telur ayam. Walaubagaimanapun, Subsektor Sayur-Sayuran, Buah-Buahan & Pertanian Lain dan Subsektor Perhutanan menunjukkan peningkatan masing-masing sebanyak 12.6 peratus dan 13.7 peratus.



8. Mengikut pendekatan perbelanjaan, peningkatan KDNK adalah disebabkan terutamanya disebabkan oleh peningkatan eksport bersih barangan dan perkhidmatan. Manakala, perbelanjaan kapital mencatatkan penurunan sebanyak 19.5 peratus tahun-ke-tahun, setelah meningkat sebanyak 16.4 peratus pada Q2 2019.
9. Keluaran dalam negeri kasar (KDNK) adalah ukuran bagi jumlah nilai barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam tempoh tertentu setelah ditolak kos barangan dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran. Laporan penuh KDNK Suku Ketiga 2019 boleh didapati melalui laman web JPES: [www.depd.gov.bn](http://www.depd.gov.bn).



**MEDIA RELEASE**  
**DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS**  
**MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY**


**QUARTERLY GROSS DOMESTIC PRODUCT**  
**THIRD QUARTER 2019**

**BRUNEI DARUSSALAM**


**MAIN HEADLINE:**

**ECONOMY GREW BY 2.0 PER CENT IN THE THIRD QUARTER 2019.**

- In the third quarter of 2019, Brunei Darussalam's gross domestic product (GDP) at current prices was valued at BND4.3 billion compared to BND4.5 billion in Q3 2018. The Oil & Gas sector was valued at BND2.3 billion accounting for 54.0 per cent of the total gross value added (GVA).*
- At constant prices, GDP recorded positive growth of 2.0 per cent year-on-year in Q3 2019. The growth was mainly associated by an increase in the Non-Oil & Gas sector by 3.3 per cent. On the other hand, the Oil & Gas sector increased by 1.0 per cent.*



3. *The growth in the Non-Oil & Gas sector was mainly due to an increase in the Finance Subsector by 19.0 per cent attributed by an increase in the banking services' activities.*
4. *The increase in the Oil & Gas sector was mainly due to an increase in production of crude oil from 105.5 thousand barrels per day in Q3 2018 to 113.3 thousand barrels per day in Q3 2019.*
5. *By Kind of Economic Activity, the positive performance of the economy in the third quarter 2019 was due to an increase in Services Sector by 4.8 per cent. Among others, this growth was due to the increases in the Finance Subsector, Wholesale and Retail Trade Subsector and Health Subsector.*
6. *The Industry Sector recorded an increase of 0.4 per cent. This was mainly due to the increase in production of crude oil and an increase in the Electricity and Water Subsector.*
7. *However, the Agriculture, Forestry & Fishery Sector declined by 4.9 per cent due to a decrease in the Fishery Subsector and Livestock & Poultry Subsector. The decline in the production of small scale capture industry was the main factor of the decrease in the Fishery Subsector. On the other hand, the decrease in Livestock & Poultry Subsector was due to the decline in the production of buffaloes, broilers chicken and chicken eggs. However, Vegetables, Fruits & Other Agriculture Subsector and Forestry Subsector recorded increases of 12.6 per cent and 13.7 per cent respectively.*



8. *By expenditure approach, GDP recorded an increase mainly due to an increase in the net exports of goods and services. On the other hand, capital expenditure declined by 19.5 per cent year-on-year, after a 16.4 per cent growth in Q2 2019.*
  
9. *Gross domestic product (GDP) is a measure of the total value of goods and services produced in a particular period after deducting the cost of goods and services used up in the process of production. The GDP full report for the Third Quarter of 2019 is available from DEPS's website: [www.depd.gov.bn](http://www.depd.gov.bn)*